



SIARAN MEDIA

KPWKM METERAI KERJASAMA DENGAN BANK ISLAM BAGI KERJASAMA PROGRAM KEBAJIKAN SOSIAL BERASASKAN PLATFORM EKONOMI DIGITAL

KUALA LUMPUR, 13 Ogos 2020 - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) hari ini telah memeterai perjanjian bagi membina hubungan kerjasama pemerkasaan program kebajikan sosial berasaskan platform ekonomi digital. Kerjasama ini telah disempurnakan di majlis menandatangani *Memorandum of Understanding* (MoU) mengenai program ini oleh YBrs. Encik Zulkifli Ismail, Ketua Pengarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat mewakili KPWKM dan YBrs. Encik Mizam Masram, Ketua Pegawai Perniagaan Bank Islam mewakili BIMB. Majlis ini telah disaksikan oleh YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan YB Dato' Seri Saifuddin Abdullah, Menteri Komunikasi dan Multimedia.

Melalui MoU ini, KPWKM dan BIMB bersetuju untuk bekerjasama selama tempoh 2 tahun bagi memperkasakan Program Kebajikan dan Perlindungan Sosial berteraskan platform ekonomi digital dalam usaha memastikan kumpulan sasaran KPWKM mendapat manfaat terutamanya penerima bantuan yang terdiri daripada warga emas, OKU, kanak-kanak, wanita dan keluarga berkeperluan. Antara program yang dilaksanakan melalui kerjasama ini ialah pengurusan bantuan melalui Sistem Ekonomi Digital, pemerkasaan program pembangunan keusahawanan, bantuan mikro kredit kepada penerima bantuan yang ingin meningkatkan taraf hidup serta program-program kebajikan dan perlindungan sosial yang bersesuaian. MoU ini juga merupakan satu inisiatif KPWKM bersama dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) dalam usaha membudayakan masyarakat Malaysia ke arah ekonomi digital selaras

dengan norma baharu pasca PKP yang memberi penekanan kepada penjarakan fizikal semasa menjalankan aktiviti harian.

Dalam ucapannya, YB Datuk Seri Rina Harun berkata, badan korporat sewajarnya mengetengahkan *Corporate Shared Value* (CSV) atau Nilai Bersama Korporat dalam model perniagaan mereka. Pendekatan CSV ini merupakan penggabungan objektif perniagaan dan *Corporate Social Responsibility* (CSR) sebagai satu bentuk model perniagaan yang holistik. Oleh itu, CSV bukanlah usaha kebajikan, sebaliknya satu bentuk model perniagaan yang dipacu oleh kehendak semasa untuk membantu menyelesaikan masalah komuniti di samping memastikan situasi 'menang-menang' korporat dan komuniti dapat dicapai. Itulah yang turut dibawa oleh KPWKM melalui inisiatif ini bagi membantu golongan sasaran di bawah KPWKM.

Beliau juga mengalu-alukan lebih banyak lagi syarikat-syarikat korporat untuk bekerjasama dengan KPWKM dan agensi di bawahnya dalam usaha mempertingkatkan Program Kebajikan dan Perlindungan Sosial agar kesejahteraan sosial dapat dinikmati selari dengan Wawasan Kemakmuran Bersama.

Turut hadir pada majlis ini adalah YBhg. Dato' Dr. Junaidah Kamarruddin, Ketua Setiausaha KPWKM, YBrs. Encik Mohd Muazzam Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam dan pengurusan tertinggi dari KPWKM, JKM dan BIMB.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

PUTRAJAYA

13 OGOS 2020